



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(IP)S 185/646/1-178 Kajian Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)			1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)
2.	JPBD(IP)S 185/646/1-179 Kajian Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Kajian Semula)			3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
3.	JPBD(IP)S 185/646/1-180 Kajian Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2040 (Kajian Semula)		12 Februari 2025 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari	4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) masih sah laku.
4.	JPBD(IP)S 185/646/1-181 Kajian Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula)	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya	Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah <u>sekurang-kurangnya tiga (3) bulan</u> daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 3 Perolehan Perkhidmatan Perunding (PK 3.3 Perkara 2.1.1)
5.	JPBD(IP)S 185/646/1-182 Kajian Rancangan Struktur Negeri Pahang 2040 (Kajian Semula)			
6.	JPBD(IP)S 185/646/1-183 Kajian Kaedah-Kaedah di Bawah Akta Pembaharuan Semula Bandar			
7.	JPBD(IP)S 185/646/1-184 Kajian Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kajang			

2. Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapatkan daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya selepas taklimat tender pada 22 Januari 2025 (Rabu).**

WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER:

Isnin – Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari

Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP

*** TIADA URUSNIAGA DILAKSANAKAN SELEPAS WAKTU OPERASI DI ATAS BAGI TUJUAN URUSAN PERBANKAN.**

3. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM60.00** bagi setiap satu (1) set.
4. Hanya **Firma perunding yang telah menghadiri Taklimat Tender sahaja** boleh membuat pembelian dokumen pelawaan. **Dokumen Pelawaan tidak akan dijual kepada mereka yang tidak menghadiri taklimat tender yang ditetapkan.**
5. Bayaran bagi dokumen pelawaan hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **kiriman wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpalang (postal order)**, dan dibayar atas nama **Akauntan Negara Malaysia – KPKT – T.**
6. Petender hendaklah menghantar Cadangan Tender secara **SERAHAN TANGAN** kepada **Urus Setia Tender** di alamat berikut:

**Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya**

7. Taklimat Tender adalah **DIWAJIBKAN** kepada petender dan hanya **PENAMA** yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding MOF** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat tender tersebut. Petender yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 22 Januari 2025 (Rabu)

Masa : 8.30 pagi – 11.00 pagi

Tempat : Bilik Latihan Kemboja@11

**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)**

Aras 11, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya.



8. Firma perunding perunding dikehendaki untuk mengemukakan **Pengesahan Kehadiran** melalui Google Form seperti di link ini <https://forms.gle/zDiHJRtNaQSoGeQu6> atau imbas **kod QR** tertera.